

10/05/2003

Jawatankuasa Umno teliti setiap usul kontroversi

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Pengurusan Umno akan meneliti setiap usul yang dianggap kontroversi sehingga mencetus rasa tidak puas hati di kalangan ahli, sebelum ia dibawa ke Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) dan diluluskan untuk dibentang di Perhimpunan Agung Umno, Jun nanti.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata walaupun jawatankuasa usul parti akan menapis setiap usul sebelum dibawa kepada MT, mana-mana usul yang dianggap kontroversi akan turut dibincangkan dalam jawatankuasa pengurusan.

Diminta mengulas dua usul yang dicadangkan oleh Puteri Umno mengenai had

umur Ketua Puteri dan keahlian automatik untuk wanita berusia 18 hingga 35

tahun yang ingin menyertai Umno, Abdullah berkata, bukanlah menjadi satu kesalahan bagi sayap baru Umno itu untuk membuat usul seperti itu.

"Bagaimanapun, sebelum perkara ini dibincangkan secara rasmi dalam MT, kita akan bincang dalam jawatankuasa pengurusan dulu. Kita patut beri perhatian kepada cadangan itu.

"Soal kita nak terima atau tidak, itu kita kena bincang dulu," katanya menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Pengurusan Barisan Nasional (BN) bagi membincangkan sambutan perayaan jubli emas BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Sambutan itu akan diadakan di Stadium Merdeka, September ini dengan tarikhnya akan ditetapkan kemudian. Hadir sama ialah Setiausaha Agung BN,

Tan Sri Mohamed Rahmat dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Baru-baru ini, beberapa bahagian Puteri mengemukakan usul supaya had umur 40 tahun bagi Ketua Puteri dimansuhkan dan keahlian automatik perlu diberikan kepada wanita berusia 18 hingga 35 tahun yang ingin menyertai Umno. Ada juga bahagian mahu ahli Pergerakan Wanita Umno yang berusia 18 hingga 35 tahun diserapkan dalam Puteri Umno.

Cadangan itu menimbulkan kontroversi dan beberapa pihak termasuk Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata menganggap cadangan itu tidak adil dan bertentangan dengan ketetapan sebelum ini bahawa penubuhan

Puteri Umno tidak akan membabitkan pengambilan ahli Wanita Umno berusia kurang 35 tahun.

Abdullah berkata, jawatankuasa usul biasanya menapis dulu usul yang dihantar dan menetapkan sama ada sesuatu usul itu diterima tanpa bahas, diterima untuk dibahaskan atau ditolak.

Selain usul terima kasih atas ucapan Presiden parti, usul yang akan dibahaskan pada perhimpunan Jun nanti kata beliau, meliputi isu politik, ekonomi, pendidikan dan agama.

Mengenai perayaan jubli emas BN, beliau berkata jawatankuasa yang dibentuk mula mengemukakan laporan semalam dan semua persiapan berjalan lancar.

"Kita belum menetapkan tarikhnya tetapi kita merancang mengadakannya

pada September nanti dan tempatnya sudah ditetapkan iaitu di Stadium Merdeka. Kita akan bincang dengan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai tarikh sesuai," katanya sambil menambah tema sambutan ialah `Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia'.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, tema berkenaan dipilih kerana perkongsian kuasalah yang telah menjadikan BN sebuah parti politik paling berjaya di Malaysia.

"Sejak merdeka hinggalah sekarang, walaupun perkongsian kuasa pada peringkat awal hanya antara Umno, MCA dan MIC, namun selepas ia diperluas dan BN dibentuk, sehingga kini kedudukannya masih kukuh, tetap berkesan dan berjaya," katanya.